

**Kebitaraan Falsafah Melayu Islam Beraja  
Dalam Mencorak Kemajuan Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam: Peranan  
Kerjasama Sultan & Ulama**

Abdul Kadir bin Mohamad  
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam  
[kadirnc61@gmail.com](mailto:kadirnc61@gmail.com)

### **Abstrak**

Melayu Islam Beraja (MIB) dalam konteks Negara Brunei Darussalam merupakan falsafah yang membentuk identiti negara, bangsa dan ketamadunan Brunei. Falsafah ini diterapkan dalam segenap aspek pentadbiran negara dan sosio budaya masyarakatnya. Dari sejak terbinanya Kesultanan Brunei pimpinan Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei ke-3 (1425-1432M), MIB telah menjadi landasan utama dalam mengatur sistem kenegaraan dengan berpegang pada Ahlu Sunnah wal Jamaah menurut mazhab Shafie dipandu oleh kerjasama padu dari para ulama, menjadikan Brunei negara Melayu tua yang mampu mempertahankan jurai kesultanan hingga ke Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan yang ke-29 kini. Namun, setentunya MIB menempuh cabaran perubahan zaman yang telah menguji ketahanannya. Apakah faktor yang menyebabkan MIB mampu bertahan hingga kini. Justeru, dengan menggunakan pendekatan analisis sejarah, kertas ini bertujuan meneliti peranan kerjasama sultan dan ulama dalam memajukan syiar Islam sebagai dasar kemajuan negara. Dapatkan kajian memperlihatkan peranan ulama penting dalam mempertahankan MIB, yang mana perlu disokong padu oleh Sultan. Dalam hal ini, pendidikan adalah wahana dan penanda aras (indikator) yang menentukan kemajuan Islam. Untuk Islamisasi yang berkesan, adalah mustahak Ulama mempunyai kedudukan yang berautoriti dalam sistem pemerintahan. Kelestarian MIB hingga abad ini membuktikan kebitaraan, ketahanan dan kerelevan falsafah ini dalam agenda pembangunan negara, kelangsungan mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah kerajaan kesultanan Melayu Islam di rantau nusantara.

**Kata Kunci:** Falsafah Melayu Islam Beraja, Brunei, Sultan, Ulama.

*The Prevalence of The Philosophy of ‘Malay Islamic Monarchy’ in Moulding the  
Development of Islamic Education in Brunei Darussalam:  
The Role of Cooperation between Sultan and Islamic Scholar*

### **Abstract**

*Malay Islamic Monarchy is the national philosophy of Brunei Darussalam which shapes the country’s identity, nation and civilisation. The philosophy is inculcated in the country’s administration as well as the socioculture of its people. Since the reign of Sultan Sharif Ali (1425-1432), the third Sultan of Brunei, Malay Islamic Monarchy has been the guiding principle in governing the country, by holding with the belief of Ahl Sunnah Wal Jamaah and Mazhab Shafie, with the assistance of Islamic scholars, making the Sultanate able to survive till it’s 29<sup>th</sup> Sultan today. Nevertheless, inevitably, the philosophy faces challenges of time. This raises the question: what are the factors contributing to its survival today. Hence, by adopting historical analysis, this paper aims to examine the role of collaboration between Sultan and Islamic scholars in upholding Islam as the foundation of the country’s*

*development. Finding of this study shows that Islamic scholar played a significant role in upholding the philosophy of Malay Islamic Monarchy, made possible with firm support from the Sultan. In light of this, education acts as both the tool and indicator of the development of Islam. For effective ‘Islamization’, it is important that Islamic scholar has an authoritative position in the administration system. The sustainability of Malay Islamic Monarchy in this century is a proof of its prevalence, endurance and relevancy in the country’s development agenda, upholding Brunei as a sovereign Malay Islamic sultanate in the Archipelago.*

**Keywords:** *The Philosophy of Malay Islamic Monarchy, Brunei, Sultan, Islamic Scholar.*

## Pengenalan

‘Raja soleh pembawa berkat’- ungkapan yang jelas menggambarkan kemakmuran Negara Brunei Darussalam yang dikecapi kini di bawah pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, berpaksikan kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Baginda telah mengisyiharkan MIB sebagai falsafah negara melalui titah baginda semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984:

“... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata’ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wata’ala juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebijakan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta ...”

Di bawah pemerintahan baginda yang telah genap 50 tahun pada 5 Oktober 2017, falsafah ini telah terbukti berkesan dalam memajukan negara ini. Apa yang menarik adalah falsafah ini telah diperaktikkan sejak lebih daripada enam ratus tahun dahulu, di bawah pemerintahan sultan-sultan Brunei terdahulu. Fakta ini membawa kepada persoalan apakah faktor yang menyumbang kepada survival falsafah ini? Menelusuri sejarah, didapati Islam merupakan teras yang menunjangi kebitaraan falsafah ini. Namun begitu, MIB tidak akan berkesan tanpa pemain atau *team player* yang merealisasikannya. Justeru, kertas ini akan mengupas peranan Sultan dan Ulama dan kerjasama di antara mereka dalam mengukuhkan syiar Islam yang menjadi teras kepada falsafah ini, dengan mengetengahkan aspek hubungan kerjasama antara ulama-umara dalam mengukuhkan pendidikan agama Islam, faktor penting ke arah matlamat memajukan negara berlandaskan syiar Islam.

## Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB)

Jika diperhatikan secara umumnya, Melayu Islam Beraja (MIB) sebenarnya telah lama menjadi tonggak pembangunan tamadun Melayu serantau – Adat dan Adab bersendikan Agama. Sebagai sebuah kerajaan kesultanan Melayu tertua di rantau nusantara, Brunei telah mampu bertahan hingga kini sebagai sebuah negara kesultanan hasil dari pegangan kuat terhadap falsafah MIB. Pengertian falsafah ini merujuk kepada tiga komponen yang terangkum dalam istilah MIB itu sendiri iaitu Melayu, Islam dan Beraja. Takrifan MIB menurut Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja:

- a) Melayu: hak bangsa Melayu yang terdiri dari tujuh puak jati bangsa Melayu (Melayu Brunei, Belait, Tutong, Bisaya, Dusun, Kedayan dan Murut) dengan nilai-nilai

- luhur kebudayaan Melayu yang dinamik dan dominan yang menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.
- b) Islam: agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafii yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul.
  - c) Beraja: sistem pemerintahan beraja di mana Sultan sebagai pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda adalah memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.

MIB merupakan identiti Negara Brunei Darussalam yang telah wujud berabad lamanya sejak pengislaman Sultan Brunei yang pertama, Sultan Muhammad Shah pada 797H/1386M, dikukuhkan lagi dengan kedatangan Sharif Ali dan pertabalan baginda sebagai Sultan Brunei ketiga. 29 orang sultan-sultan yang telah memerintah Brunei adalah pendokong falsafah ini. Sepanjang kesultanan Brunei, negara ini telah melalui lima period dalam merealisasikan konsep MIB sebagai falsafah negara iaitu:

- i. **Period pengasasan MIB:** (764-890H/ 1363-1485M) Zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah, Sultan Ahmad, Sultan Sharif Ali, Sultan Sulaiman dan Sultan Bolkiah.
- ii. **Period keemasan MIB** (890-986H/1485-1578M): Zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Abdul Kahar dan Sultan Saiful Rijal.
- iii. **Period ujian dan ketahanan MIB** (986-1379H/1578-1959M): Zaman pemerintahan Sultan Shah Brunei, Sultan Muhammad Hasan, Sultan Abdul Jalil Akbar, Sultan Abdul Jalil Jabbar, Sultan Haji Muhammad Ali, Sultan Abdul Hakkul Mubin, Sultan Muhyiddin, Sultan Nasruddin, Sultan Husin Kamaluddin, Sultan Muhammad 'Alauddin, Sultan Omar Ali Saifuddin I, Sultan Muhammad Tajuddin, Sultan Muhammad Jamalul Alam I, Sultan Muhammad Kanzul Alam, Sultan Muhammad Alam, Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Abdul Momin, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, Sultan Muhammad Jamalul Alam II, Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III.
- iv. **Period pemulihan MIB:**(1379-1403H/1959-1983M) Zaman pemerintahan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III dan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- v. **Period penegakan kedaulatan MIB:**(1404H/1984M hingga kini) Zaman pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kini.

MIB merupakan falsafah yang terbaik dan serasi dengan sistem kenegaraan Brunei dan budaya masyarakatnya, sebagaimana titah Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena ulang tahun Keputeraan baginda ke-44 pada 21 Julai 1990:

"Konsep MIB ini sebenarnya bukan konsep baharu, tetapi sudah lahir semenjak beberapa abad lagi. Ianya tidak lebih daripada menunjukkan bentuk dan corak sebuah Kerajaan Brunei Darussalam yang tulen, Kerajaan Melayu Islam yang bersultan atau beraja, dan sebagai sifatnya sebuah Kerajaan Islam, maka ia adalah terbaik dan terunggul serta paling adil terhadap semua lapisan masyarakat dan penduduk di negeri ini sama ada mereka itu beragama Islam ataupun tidak."

Baginda bertitah pada 7 Februari 2018 dalam Mesyuarat Menteri Kabinet bahawa "Jalan yang unik lagi hebat itu ialah MIB dan MIB adalah pakaian Brunei yang dipakai sejak lebih

dari pada enam ratus tahun lagi...” dan keperluan menguatkan amalan konsep MIB dan bukan mempertikaikannya. Sebagai falsafah negara, ia berfungsi sebagai panduan dalam segenap aspek kenegaraan dan bangsa termasuk sistem pemerintahan, pentadbiran, pembangunan, agama, budaya dan bahasa. Dalam kata lain, ia bertujuan memberi kesatuan pemikiran dan pemahaman akan asas cara hidup, cara berbangsa dan bernegara.

Kekuatan falsafah ini terletak pada ketiga-tiga komponen yang membinanya. Komponen ‘Melayu’ mendokong jati diri Melayu yang mengangkat nilai watanaiyyah (patriotisme) mempertahankan negara, mempraktikkan ketinggian nilai dan tatasusila, bahasa Melayu sebagai identiti bangsa, mentaati pemerintah dan menghormati ulama dan umara. Komponen ‘Islam’ pula mendokong kekuatan Islam, yang berpegang pada aliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan fiqh mazhab Syafi‘i yang telah lama menjadi pegangan hidup masyarakat Islam di Brunei. Manakala komponen ‘Beraja’ menekankan ketaatan kepada Sultan yang memegang amanah Allah. Konsep kedaulatan Sultan diperlakukan di mana dalam satu aspek, titah Sultan ialah arahan yang dijunjung untuk dilaksanakan.

Jika diperhatikan, nilai-nilai yang terkandung dalam komponen Melayu dan Beraja itu sebenarnya berakar umbi dan mendokong komponen ‘Islam’. Oleh itu, adalah penting syiar Islam dimartabatkan kerana Islam merupakan teras yang mendokong falsafah MIB – akidah dan akhlak. MIB berkesan sebagai wadah pembangunan negara kerana enam karakteristik yang dimiliki (Pengiran Anak Haji Amiruddin et.al, 2015):

- i) Komprehensif (dari segi pembangunan)
- ii) Kualitatif (dari segi pencapaian dan penghasilan)
- iii) Bersepadu (dari segi rohani dan jasmani, teori dan amali, dan agama dan kebudayaan)
- iv) Positif (dari segi kemajuan sains dan teknologi)
- v) Berfungsi (dari segi faedah kepada masyarakat dan negara)
- vi) Bermatlamat (dari segi mendaulatkan Islam dan Bahasa Melayu sebagai agama dan bahasa rasmi negara).

Falsafah MIB adalah sejajar dengan konsep Tamadun Islam yang mengutamakan nilai rabbani (ketuhanan) dan taqwa sebagai dasarnya dan ilmu sebagai agen pelengkap, di samping pembangunan fizikal dan infrastruktur, yang mana berbeza dengan konsep tamadun sarjana Barat yang mengutamakan kemajuan fizikal. Menurut Sayid Qutb, tamadun ialah kemajuan yang dicapai oleh sekumpulan masyarakat dalam sosial, politik, pemerintahan, ekonomi dan budaya berteraskan syariat Allah dan bercirikan nilai-nilai moral Islam. Islam menggariskan lapan ciri penting bagi mengisi pembinaan tamadun iaitu “melalui kesempurnaan nilai dan kekuatan pembentukan akidah, akhlak dan ilmu, diikuti dengan keadilan, semangat kejiraninan, toleransi dan kebebasan”.

Manusia telah diberikan amanah untuk mentadbir dan mengimarahkan ‘Alam. Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman di dalam Surah al-Baqarah:30

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi ini”.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

السُّلْطَانُ ظُلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ يَأْوِي إِلَيْهِ كُلُّ مَظْلُومٍ مِّنْ عِبَادِ اللَّهِ فَإِنْ عَدَنَ كَانَ لَهُ الْأَجْرُ وَكَانَ عَلَى الرَّعِيَّةِ الشُّكْرُ وَإِنْ جَاءَ  
أَوْ ظَلَمٌ كَانَ عَلَيْهِ الْوَزْرُ وَعَلَى الرَّعِيَّةِ الصَّبْرُ وَإِذَا مُنِعَتِ الرِّزْكَاهُ هَلَكَ الْمَوَاشِيُّ، وَإِذَا ظَهَرَ الْزَّنَنَ ظَهَرَ الْفَقْرُ وَإِذَا أَخْفَرَتِ  
الْأَذْمَةُ أَدِيلَ الْعَدْوُ

“Sultan adalah payung Allah di dunia, tempat bernaungnya hamba-hamba Allah yang kena zalim (aniaya). Maka seandainya Sultan itu adil baginya pahala, dan wajib bagi rakyatnya untuk berterima kasih. Dan seandainya dia (Sultan) itu zalim atau khianat atau menyeleweng dia berdosa, dan rakyat mestilah bersabar. Dan apabila para penguasa itu aniaya maka langit tidak akan menurunkan hujan. Apabila mereka tidak membayar zakat binasalah binatang ternak dan tanaman. Apabila zina itu berleluasa timbulah kemiskinan, dan apabila perjanjian dibatalkan musuh-musuh bertindak jahat.”

Firman Allah dalam Surah Fathir:28 mengenai peranan ulama sebagai pengukuh kestabilan pemerintahan.

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الْغَلَمَاءُ

“Sesungguhnya yang paling takutkan Allah dari kalangan manusia ialah Ulama'.”

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam,

كُنْ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا أَوْ مُحْبًا وَلَا تَكُنْ خَامِسًا فَقْحَلَقَ

"Hendaklah kamu menjadi orang yang mengajar ilmu, (jika tidak mampu), jadilah orang yang belajar ilmu, (jika tidak mampu), jadilah orang yang mendengar ilmu, (jika tidak mampu juga) jadilah orang yang mencintai ilmu, maka jangan jadi orang yang kelima, binasalah ia."

Ulama dan umara menyedari kepentingan memartabatkan entiti ‘Islam’ melalui wahana pendidikan dan pentadbiran yang sistematik. Dalam membina tamadun, peranan ulama sebagai penasihat atau orang kanan kepada pemerintah tidak dapat disangkal, contohnya ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Ulama tidak terbatas menyampaikan dakwah secara tradisional bahkan menggunakan pendekatan yang lebih meluas dan efektif iaitu melalui proses Islamisasi pentadbiran kerajaan, pendidikan, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, kejayaan dakwah ini didorong oleh kerjasama padu dari pemerintah.

## Sultan dan Ulama Berpisah Tiada

Peranan dan kerjasama antara Sultan dan Ulama diibaratkan seperti aur dan tebing dan bagai kuku dan isi, mereka saling bekerjasama dan memerlukan walaupun ulama tersebut didatangkan dari luar wilayah Brunei. Senario ini menunjukkan hubungan kesultanan Brunei berkait rapat dengan Alam Melayu, di mana ulama dari nusantara berhijrah ke Brunei bagi membantu pembangunan negara dan perkembangan Islam di Brunei.

Perbincangan ini akan mengengahkan beberapa Sultan dan Ulama yang berkhidmat pada zaman pemerintahan mereka bagi menjelaskan faktor kepentingan kerjasama antara mereka dan hubungannya dengan kemajuan pendidikan Islam.

### **Sultan Sharif Ali (TM 1425 – 1432)**

Sultan Sharif Ali merupakan Sultan Brunei ketiga. Susun-galur keturunan baginda bersambung kepada Sayidina Hasan Radhiallahu 'Anhu, cucunda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Baginda datang ke Brunei sekitar TM1370 dari Taif dan berkahwin

dengan puteri Sultan Ahmad, Sultan Brunei kedua. Baginda telah meletakkan asas kepada pendidikan Islam iaitu melalui pembinaan masjid, yang menjadi pusat pengajian ilmu agama. Usaha dakwah baginda dibantu mubaligh seangkatan baginda iaitu Sharif Alwi Ba Faqih dan Sheikh Adam.

### ***Sultan Muhammad Tajuddin (TM 1795 – 1804) & (TM 1804 – 1807)***

Sultan Muhammad Tajuddin ibni Sultan Omar ‘Ali Saifuddin I merupakan Sultan Brunei yang ke-19. Dalam aspek perkembangan Islam, sumbangan baginda ialah menerusi usaha penerusan penulisan manuskrip ‘Salasilah Raja-Raja Brunei’ dan penghasilan ‘Batu Tarsilah’ serta penyediaan rumah wakaf bagi jemaah Haji Brunei di Mekah.

Penulisan atau ‘penyuratan’ manuskrip ‘Salasilah Raja-Raja Brunei’ adalah kesinambungan inisiatif yang telah dilakukan oleh Sultan Muhammad Alauddin (TM 1730-1737), Sultan Brunei ke-17 yang telah menitahkan Datu Imam Yaakub menulis Salasilah Raja-Raja Brunei pada 1735 M. Sultan Muhammad Tajuddin meneruskan usaha ini dengan menitahkan Pehin Khatib Haji Awang Abdul Latif untuk meneruskan penulisan Salasilah Raja-Raja Brunei dan menyuratkannya (dipahat) pada batu bersurat dikenali sebagai ‘Batu Tarsilah’. Batu Tarsilah ini signifikan kerana ia merupakan prasasti sejarah Negara Brunei Darussalam yang masih wujud kini dan sumber primer dalam pencejaraan Brunei. Penyuratan Salasilah Raja-Raja Brunei dan Batu Tarsilah menggambarkan keprihatinan Sultan Muhammad Tajuddin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara sejarah Kesultanan Brunei. Hasilnya, legasi sejarah ini menjadi aset bernilai negara untuk ditatap dan dipelajari generasi seterusnya, selain menjadi bukti bertulis penting yang mencatatkan perkembangan Islam yang telah lama bertapak di Brunei.

Di samping itu, Sultan Muhammad Tajuddin juga prihatin akan kebajikan rakyatnya khususnya dalam urusan mengerjakan Haji. Baginda telah melantik Khatib Haji Awang Abdul Latif selaku juru runding bagi menguruskan pembelian rumah wakaf di Mekah, bagi tujuan penempatan jemaah Haji Brunei. Rumah wakaf ini memenuhi keperluan utama jemaah Haji yang menghadapi kesulitan dalam mendapatkan tempat tinggal semasa menuaikan ibadah Haji lantaran keadaan Kota Mekah yang dipenuhi oleh jutaan umat Islam setiap kali musim haji (Awang Asbol, 2008).

### ***Ulama: Pehin Datu Imam Yaakub***

Pehin Datu Imam Yaakub bin Al-Imam Haji Abdul Rahman berasal dari Penderang Wafu, Al-Bugis, Al-Makassar, Sulawesi (Gira Ujan, 2008) dan menuntut ilmu agama di Mekah (Simat Angas et al., 1992). Beliau datang ke Brunei dalam era pemerintahan Sultan Muhyiddin (TM 1673-1690), Sultan Brunei ke-14 dan telah berkhidmat dalam kerajaan Brunei sebagai pegawai agama di istana melangkaui empat era pemerintahan Sultan Brunei iaitu Sultan Muhyiddin (TM 1673-1690), Sultan Brunei ke-14, Sultan Nasruddin (TM 1690-1710), Sultan Brunei ke-15, Sultan Husin Kamaluddin (TM 1710-1730 dan TM 1737-1740), Sultan Brunei ke-16, dan Sultan Muhammad Alauddin (TM 1730-1737), Sultan Brunei ke-17.

Selain berkhidmat sebagai pegawai agama, Pehin Datu Imam Yaakub juga dilantik sebagai Penyurat Dagang dan Jurutulis semasa zaman pemerintahan Sultan Muhyiddin dan pernah ditugaskan mentadbir pedagang yang datang ke Brunei semasa pemerintahan Sultan Nasruddin (Gira Ujan, 2008). Beliau juga merupakan pengarang kesusastraan klasik Melayu

Brunei dibuktikan melalui hasil karya penulisan beliau antaranya *Adat Dagang* dan *Adat al-Marhum fi 'Adat al-Marhum*. Kemahiran ini juga merupakan faktor beliau dipertanggungjawabkan untuk menyimpan dan mencatat keterangan tentang sejarah salasilah Sultan-Sultan Brunei pada 24 Oktober 1735 M atas titah Sultan Muhammad Alauddin.

### ***Ulama: Pehin Khatib Haji Awang Abdul Latif***

Pehin Khatib Haji Awang Abdul Latif bin Haji Muhammad Taha berasal dari Betawi, Indonesia. Beliau dijangkakan hidup dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin iaitu sekitar tahun 1771 M. Warak dan berkeramat, beliau masyhur dengan gelaran Pehin Khatib Kudrat (Awang Muhammad Jamil, 2006). Pehin Khatib Haji Awang Abdul Latif adalah pegawai agama di istana. Beliau bertanggungjawab menyalin, menyusun, dan menulis manuskrip ‘Salasilah Raja-raja Brunei’ dan seterusnya menyuratkannya pada ‘Batu Tarsilah’ dalam tahun 1221H / 1807M. Di samping itu, beliau juga diberi mandat menguruskan hal ehwal perundingan dan pengurusan Rumah Wakaf Sultan Muhammad Tajuddin di Mekah pada 1805M. Hasilnya, beliau telah dilantik oleh Kerajaan Arab Mekah selaku Nazir (penyelenggara) rumah-rumah wakaf tersebut pada tahun 1809M.

### ***Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III (TM 1950 – 1967)***

Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III merupakan Sultan Brunei yang ke 28 dan dikenali sebagai ‘Arkitek Brunei Moden’. Dalam aspek perkembangan Islam, sumbangan baginda amat besar dalam memulihkan kedudukan Islam yang agak tergugat kerana campur tangan British dalam pentadbiran negara sejak 1906. Ini termasuklah menggubal Perlembagaan Negeri Brunei 1959 di mana Islam diiktiraf sebagai agama rasmi negara. Baginda amat prihatin tentang hal ehwal agama Islam dibuktikan melalui pelbagai inisiatif baginda. Ketika pemerintahan bekanda baginda, Sultan Ahmad Tajuddin, baginda merupakan ahli tertinggi ‘Penasihat Ugama Islam’, badan yang mentadbir hal ehwal Islam, ditubuhkan pada 1948. Pada 1954, Majlis Mesyuarat Syariah dan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan ditubuhkan. Ini diikuti oleh Majlis Ugama Islam Brunei pada 1955. Bagi memainkan peranannya dengan lebih efisien, Jabatan Hal Ehwal Ugama (kini dikenali Kementerian Hal Ehwal Ugama) menjadi sebuah jabatan berasingan selari dengan penguatkuasaan Perlembagaan Negara Brunei pada 29 September 1959.

Sebagai sebuah negara MIB, baginda melihat pendidikan secara umumnya dan pendidikan agama secara khususnya sebagai aspek penting dalam mengilhamkan masa hadapan negara yang tersusun. Jelas, sesuai dengan gelaran ‘Arkitek Brunei Moden’, baginda telah meletakkan asas yang kukuh, iaitu pendidikan, sebagai agenda utama dalam pembangunan negara. Baginda melihat pentingnya Islam, yang turut terkesan selepas campur tangan British dan pendudukan Jepun, dikukuhkan melalui pendidikan yang sistematik dan teratur. Baginda bertitah sempena pembukaan sekolah agama Kerajaan pertama pada 1956:

”Sudahlah patut masanya tiap-tiap Sekolah Melayu dan Inggeris yang ada dalam Negeri Brunei ini diadakan Pelajaran Ugama di sebelah petang oleh kerana menolakkan berbagai-bagi bencana dan fitnah yang didatangkan oleh pihak yang tidak sukaan atas ketenteraman dan keelokan akhlak anak-anak bumi putera puteri negeri ini, khusus dalam Pelajaran Ugama. Adalah Pelajaran Ugama faedahnya dapat menjauhkan daripada desakan pelajaran diayah-diayah dan ilmu-ilmu yang palsu, maka dengan adanya Pelajaran Ugama itu untuk memperkuuhkan tali muhibah di

antara satu dengan lain serta bersatu padu, mudah-mudahan keluaran Sekolah Ugama ini kelak untuk menyiaran pelajaran ugama Islam di merata-rata ceruk rantau negeri ini”.

Di bawah pemerintahan baginda, pendidikan agama melalui transformasi dari sistem pendidikan tradisional ke pendidikan formal. Menerusi penubuhan sekolah agama Kerajaan dan sekolah Arab, baginda mengorak langkah dalam perkembangan pendidikan Islam di Brunei. Atas inisiatif baginda, rundingan dibuat dengan Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor bagi mendapatkan tenaga pakar untuk meninjau sistem pendidikan agama sedia ada dan merancang sistem pendidikan agama yang teratur di Brunei.

Hasilnya dua orang pegawai agama Kerajaan Johor telah didatangkan ke Brunei bagi melakukan tinjauan seterusnya perancangan untuk menubuhkan sekolah agama Kerajaan. Sekolah agama Kerajaan ini merupakan solusi kepada krisis kelemahan pengetahuan atas agama (fardu 'ain) di kalangan generasi muda ketika itu (tahun 1950-an). Ini kerana berdasarkan laporan anggota peninjau cadangan penubuhan sekolah ugama Kerajaan, hasil tinjauan mereka, kebanyakannya murid-murid di Sekolah Melayu tidak tahu mengucap dua kalimah syahadah dan rukun Islam. Pentadbiran pendidikan agama yang sistematik (melalui penubuhan sekolah agama) telah memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, terutamanya melalui sukan pelajaran dan tenaga pengajar yang terlatih.

Di samping itu, baginda juga menginspirasikan penubuhan sekolah Arab. Sekolah Arab pertama dikenali sebagai ‘Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah’ dibuka pada 1385H/1966M. Ini kerana pada 1360H/1941M, atas inisiatif Sultan Ahmad Tajuddin dan diusahakan oleh Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, sebuah Sekolah Arab ditubuhkan di Kampong Pusar Ulak, Bandar Brunei. Namun, tidak bertahan lama kerana terpaksa ditutup dalam tahun yang sama juga berikutan tekanan daripada pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua (Awang Muhammad Jamil, 2007). Penubuhan Sekolah Arab memberi impak yang besar terhadap kemajuan syiar Islam di Brunei kerana telah berjaya menyediakan sumber tenaga manusia yang konsisten dan berkualiti bagi memenuhi keperluan negara dan masyarakat. Selain itu, ‘Sijil Pelajaran Ugama Brunei’ juga diiktiraf sebanding dengan sijil-sijil lain yang melayakkannya melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara termasuk Universiti al-Azhar. Ini sekaligus mengangkat taraf pengajian agama sebanding dengan pengajian akademik yang dianggap lebih menjamin masa depan.

Kejayaan visi Sultan Omar Ali Saifuddien III dibantu oleh jentera pentadbiran yang mantap dan sama-sama menyokong aspirasi baginda. Malahan peranan mereka berterusan sehingga di bawah pemerintahan anakanda baginda, Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah:

### ***Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz***

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail merupakan seorang tokoh ulama di negeri Johor Darul Takzim, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dan Mufti Kerajaan Brunei yang pertama. Beliau dilahirkan pada 1329H/1911M di Kampung Rengit, Batu Pahat, Johor. Dalam aspek kerjaya, jawatan-jawatan rasmi yang disandang beliau menyaksikan penglibatan beliau dalam arena pendidikan agama dan pentadbiran agama di Johor Darul Ta’zim, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam (Abdul Kadir, 2015).

Penglibatan beliau dalam bidang pendidikan bermula sebelum beliau melanjutkan pengajian di Mesir sebagai guru di Madrasah Al-Attas dan Kuliah (Kolej) Al-Attas, Johor Bahru (1348-1356/1929-1937). Setelah tamat pengajian, beliau berkhidmat dengan Jabatan Agama Johor sebagai Pemeriksa Sekolah-sekolah Arab (1368-1372H/1949-1953M), Pengelola Majalah Warta Jabatan Agama Johor (1369-1373/1949-1953), Kadi Daerah Segamat (1373-1374/1953-1954), Pemangku Timbalan Mufti Johor (1376/1956), Kadi Daerah Pontian (1377/1957), Pemangku Kadi Besar dan Kadi Besar Johor (1378-1381H/1958-1961M), Timbalan Mufti Kerajaan Johor (1385-1386/1965-1966) sehingga bersara pada 1386H/1967M. Beliau juga merupakan pengetua pertama Kolej Islam Malaya dan antara pengasas Ma'ahad Johor.

Perkhidmatan dengan kerajaan Brunei pula bermula dengan penglibatan sebagai anggota peninjau bagi cadangan mendirikan sekolah agama Kerajaan Brunei pada 1375H/1955M. Pada 25 Syawal 1381H/1 April 1962M, beliau telah dipinjamkan oleh Kerajaan Johor kepada kerajaan Brunei Darussalam untuk menjadi Mufti Kerajaan Brunei yang pertama sehingga 1385H/1965M. Setelah bersara daripada kerajaan Johor, beliau telah dipelawa oleh kerajaan Brunei untuk memegang jawatan Mufti Kerajaan Brunei secara berkontrak dari 1386H/1967M sehingga meninggal dunia pada 11 Syaaban 1413H/ 3 Februari 1993M. Sepanjang perkhidmatan dengan kerajaan Brunei, beliau juga diberikan mandat sebagai ahli dalam pelbagai jawatankuasa, di bidang agama dan peringkat tertinggi negara, selain turut mewakili Brunei di persidangan antarabangsa. Sebagai mengenang jasa beliau, Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berkenan agar beliau dimakamkan di Kubah Makam Diraja di Brunei. Antara legasi beliau ialah fatwa dan tulisan yang masih menjadi rujukan masyarakat sehingga kini.

Dalam bidang pendidikan Islam, dua sumbangan penting beliau ialah dalam penubuhan sekolah agama Kerajaan dan sekolah Arab. Antara peranan signifikan beliau ialah i) menyusun sukanan pelajaran dan buku-buku, ii) menyelaraskan tenaga pengajar khususnya guru-guru agama dari Johor, yang datang ke Brunei dalam empat peringkat, antara mereka ialah Ustaz Dato Haji Mustajab, Ustaz Haji Ahmad Sonhaji, Ustaz Haji Abdul Kadir Awang, dan Ustaz Haji Abdul Rahman, dan iii) merancang penubuhan Sekolah Arab.

Sebagai Mufti dan penasihat Sultan dalam hal-ehwal keagamaan, beliau menggunakan platform ini bagi menyampaikan nasihat, cadangan dan buah fikiran dalam meningkatkan sistem pendidikan Islam di Brunei. Fatwa beliau menjadi rujukan bagi membentuk dasar pendidikan negara. Contohnya saranan beliau agar ditubuhkan lebih banyak institusi-institusi pengajian Islam, bagi menyaingi kuantiti sekolah sekular yang dilihat banyak terutama sebelum tahun 1970an dan sekitarnya, sebagai langkah membetulkan pendidikan generasi muda kepada pendidikan cara Islam dan menolak gejala dan arus yang datang dari Barat. Ini membawa kepada penubuhan dan pembentukan kurikulum sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah menengah Arab, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Institut Pengajian Islam.

### ***Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Muhammad Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar***

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Muhammad Jamil Al-Sufri merupakan tokoh dalam bidang sejarah, pendidikan, sastera, budaya dan agama. Beliau dilahirkan pada 10 Disember 1921 di Kampong Sungai Kedayan, Bandar Brunei. Mendapat pendidikan dari Sultan Idris Teaching College, Tanjung Malim (SITC), Pusat Latihan Kanri Yosezyo, Kuching, Kolej Pertanian, Serdang dan Kolej Perguruan, City of Worcester, United

Kingdom. Perkhidmatan beliau dengan kerajaan Brunei bermula sebagai guru pelatih sehingga Pengetua Pusat Sejarah selepas bersara (dari 1982 hingga kini). Beliau dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada American Institute of Science Indiana, Amerika Syarikat, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan turut mendapat pengiktirafan dalam bidang penulisan dari dalam dan luar negara antaranya Anugerah Sastera daripada ASEAN COCI. Sumbangan beliau dalam pembangunan Islam termasuklah memartabatkan Tulisan Jawi, memartabatkan Bahasa Melayu melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, memelihara sejarah bangsa melalui penubuhan Pusat Sejarah Brunei di mana menerusnya pengkajian salasilah kesultanan, orang bergelar, adat istiadat Diraja Brunei, budaya puak-puak Brunei dan yang berkaitan dilakukan (Abdul Kadir, 2011).

***Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin***

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Zain merupakan tokoh dalam bidang agama dan sastera. Dilahirkan pada 30 Ogos 1936, beliau mendapat pendidikan dari Universiti Al-Azhar, Mesir (Mohd Salleh, 2004). Penerima Anugerah S.E.A Write Award pada 1991. Beliau telah menulis siri buku *Zain al-Talib* bagi kegunaan penuntut sekolah agama dalam perkara fiqh dan mengelolakan program *Ramadhan Karim* di Televisyen Brunei. Sebagai Menteri di Kementerian Hal Ehwal Ugama, beliau bertanggungjawab memartabatkan syiar Islam di Brunei menerusi pentadbiran agama dan dakwah, di lapangan pendidikan sekolah agama dan Arab dan program-program melibatkan masyarakat.

***Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Awang Haji Abdul Aziz bin Awang Juned***

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz merupakan Mufti Kerajaan Brunei yang kedua dan masih berkhidmat kini. Beliau dilahirkan pada 22 Disember 1941 di Kampong Setia Pahlawan Lama, Bandar Brunei. Menerima pendidikan dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan Darul Ifta, Kaherah, Mesir. Perkhidmatan dengan kerajaan Brunei bermula sebagai pegawai agama pada tahun 1970 hingga kini sebagai Mufti Kerajaan Brunei. Beliau memainkan peranan penting sebagai penasihat agama kepada Sultan dan Mufti yang bertanggungjawab menjawab persoalan hukum hakam di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Di samping itu, beliau juga seorang sasterawan dan penulis.

***Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (TM 1967 – sekarang)***

Menelusuri 50 tahun pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sejak ditabalkan menjadi Sultan pada 5 Oktober 1967, kehidupan beragama diperkasakan. Baginda meneruskan legasi dan visi ayahanda baginda dalam memantapkan penghayatan beragama di kalangan masyarakat Islam. Banyak insentif diperuntukkan untuk memajukan pendidikan Islam seperti menaik taraf institusi pengajian Islam, pembinaan sekolah, dan penambahbaikan kurikulum sekolah. Ini termasuk penubuhan universiti Islam iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali, menaik taraf Maktab Perguruan Ugama ke peringkat Kolej Universiti, meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam bidang pendidikan Islam, menggabungkan pelajaran akademik dan agama dalam kurikulum sekolah Arab dan Institut Tahfiz, mewajibkan kanak-kanak belajar di sekolah agama dan memasukkan subjek ‘Melayu Islam Beraja’ dalam sukan pelajaran sekolah-sekolah. Dalam arus globalisasi yang pesat, baginda memastikan pendidikan Islam bergerak seiringan iaitu menerusi penekanan kepada

sistem pendidikan yang holistik. Usaha ke arah penerapan ilmu duniawi berdasarkan *Islamic worldview*.

Ke arah ‘Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur’ (negara yang aman makmur dan diredhai Allah), baginda menggagaskan penerapan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, sebagaimana titah baginda bersempena Hari Raya Aidiladha 1428H/2007M:

“Beta In sya Allah akan terus berazam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam Surah al-Baqarah ayat 152, tafsir-Nya: *Kamu ingati Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula.*”

Konsep ini menekankan bukan sahaja kepada pembacaan al-Quran, malah lebih kepada pemahaman, amalan dan mendalami ilmu yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis. Dari satu sudut, pendidikan Islam berperanan memantapkan konsep Negara Zikir kerana belia yang Islamik berperanan sebagai penggerak kemajuan negara yang mematuhi syari’at. Justeru, kemajuan pendidikan Islam sangat penting dan monumental kerana ia merupakan penentu dan paksi hala tuju negara ke arah Wawasan Brunei 2035, agar Negara Brunei Darussalam maju dalam acuan Melayu Islam Beraja.

### ***Hubungkait Peranan Ulama dan Kemajuan Pendidikan Islam di Brunei: Suatu Analisis Ringkas***

Kemajuan Islam bergantung kepada perkembangan ilmu dan peranan Ulama di dalamnya adalah tidak dapat disangkal. Ini dibuktikan melalui sejarah apabila disoroti perkembangan pendidikan agama Islam di Brunei. Pendidikan penting agar umat Islam sentiasa mempunyai panduan, dan panduan yang benar iaitu pegangan aqidah aliran Ahli Sunnah Wal Jama’ah, dan fiqh mazhab Syafi’i yang diterima masyarakat. Perkembangan pendidikan Islam di Brunei terbahagi kepada dua fasa: i) pendidikan secara tradisional, dan ii) pendidikan secara formal. Perbincangan ini memfokuskan kepada tempoh abad ke 20 di atas tiga faktor:

- i) Bagi melihat senario perkembangan pendidikan Islam di Brunei yang melalui cabaran dengan kedatangan British dan Jepun.
- ii) Tahun 1324H/1906M merupakan tahun bermulanya campur tangan dan penguasaan British di Brunei iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1303-1324H/1885-1906M) dan Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1324-1343H/1906-1924M) di mana perubahan dapat dilihat dalam bentuk pendidikan yang sebelumnya tidak bersistem.
- iii) Bagi melihat perkembangan dan ketahanan sistem pendidikan tradisional yang menumpukan kepada pendidikan agama, apabila pihak British memperkenalkan sistem pendidikan vernakular Melayu (sekolah Melayu di mana sukanan pelajarannya tertumpu kepada akademik; pembelajaran membaca, menulis dan mengira (sistem 3M)) dan sekolah Inggeris.

Perkembangan peralihan dari sistem pendidikan agama tradisional kepada sistem pendidikan formal boleh dilihat dalam beberapa fasa:

#### ***Period 769H/1368M - 1324H/1906M: Sistem Balai***

Pendidikan agama wujud sejak kedatangan Islam pada 769H/1368M (apabila Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama memeluk Islam) atau mungkin lebih awal

daripada itu (berdasarkan catatan China pada 977M yang menyatakan bahawa Raja Puni (Brunei) telah menghantar utusan ke China diketuai oleh Pu Ya-li, Qadhi Kasim dan Shih Nu (Sheikh Nuh) yang mana menunjukkan orang Islam sudah berpengaruh di Brunei), menerusi gerakan dakwah para pedagang dan mubaligh Arab di kalangan masyarakat Brunei. Corak pendidikan tradisional mengutamakan keperluan sosial, nilai dan budaya masyarakat, yang mana ia berbeza mengikut budaya sesuatu kaum.

Bagi puak Melayu Brunei, pendidikan dipengaruhi oleh perkembangan Islam kerana faktor kedudukan Kampong Ayer sebagai pusat pemerintahan Kerajaan, perdagangan dan persinggahan para pedagang dan mubaligh Arab. Ilmu asas agama seperti al-Quran, Tauhid, Fiqh, Ibadat untuk amalan harian dan hukum-hakam Islam yang lain diajar oleh para pedagang dan mubaligh Arab. Kegiatan pengajian tertumpu di istana, masjid-masjid dan rumah-rumah ulama atau alim agama. Perkembangan ini telah melahirkan ulama-ulama tempatan sama ada melalui cara berguru dengan ulama di Brunei atau merantau ke luar negara seperti Sabah, Sarawak, negeri-negeri Tanah Melayu, Singapura, Filipina, Indonesia dan Mekah (Simat Angas et.al, 1992).

Perkembangan ini telah menumbuhkan pengajian secara '**Sistem Balai**'; di mana kegiatan pengajaran dan pembelajaran agama tertumpu di balai-balai kepunyaan ulama, selain masjid-masjid. Balai ialah satu ruang biasanya terletak di hadapan rumah (anjung) mengikut keadaan rumah (atau rumah khusus untuk kegiatan pengajian agama dan majlis keagamaan yang dibina berdekatan rumah seseorang) dan dimiliki oleh orang kenamaan atau bergelar dalam bidang agama seperti Pehin Khatib, Pehin Imam atau Mudim (Abdul Latif Haji Ibrahim, 2003). Penyertaan dalam aktiviti-aktiviti balai terbatas kepada lelaki sahaja. Terdapat dua bentuk pengajian di balai:

- i) Pengajian secara umum yang tidak memerlukan kepandaian menulis dan membaca jawi iaitu al-Quran, Ibadat, Dikir Brunei dan Ratib Saman, selain aktiviti bertahlil dan berhadrah.
- ii) Pengajian secara khusus (bagi orang yang berpotensi menjadi pegawai agama, imam, kadi, juru nikah, guru): pelajaran yang mendalam yang memerlukan kepandaian membaca dan menulis jawi iaitu Fiqh, Faraidh, Bab Nikah, Nahu, Tasawuf dan Akhlak.

Struktur pengajian tidak mempunyai garis pandu tertentu di mana masa, cara pengajaran dan kitab yang digunakan adalah bergantung kepada guru.

Ulama memainkan peranan penting sebagai pelopor dalam perkembangan Sistem Balai kerana mereka merupakan pemilik balai masing-masing, sama seperti pengajian pondok dan pesantren yang merujuk kepada ulama yang menubuhkannya. Kampong Burong Pingai Ayer ialah salah satu kampung yang terkenal sebagai pusat pengajian agama. Antara Ulama Brunei tersohor di Kampong Ayer ialah:

- i) Maulana Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu (berasal dari Kampong Pengiran Siraja Muda, dan menuntut di Mekah antara 1800-1820M).
- ii) Dato Haji Ahmad bin Haji Abdul Latip (berasal dari Banjarmasin, Kalimantan dan menetap di Kampong Burong Pingai Ayer. Dilantik sebagai kadi oleh Sultan Abdul Momin (1852-1885M)).
- iii) Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin ((1879-1939M) berasal dari Kampong Burong Pingai Ayer, menuntut ilmu dari guru-guru agama di Kampong Ayer, Sibuti dan Kelias dan pernah menjadi imam di Sibuti, Kelias dan Papar. Dilantik oleh Sultan Muhammad Jamalul Alam II sebagai kadi dan khatib serta Ahli Majlis Mesyuarat Negeri).
- iv) Pehin Khatib Muhammad bin Hassan ((1860-1941M) berasal dari Kampong Lurong Sikuna, menuntut ilmu di Sabah dan Sarawak).

- v) Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar ((1864-1946M) berasal dari Kampong Burong Pingai Ayer. Menuntut ilmu dari Dato Haji Ahmad bin Haji Abdul Latif dan turut mempelajari Tarikat Qadariyah dari Syeikh Ahmad Khatib Sambas. Aktif berdakwah di Brunei hingga ke Sabah, Sarawak dan Sambas. Turut mengajar Sultan Muhammad Jamalul Alam II dan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III).
- vi) Pehin Khatib Abdul Razak bin Abdul Rahman Sambas ((1875-1943M), bapa beliau berasal dari Sambas dan ibunya Brunei. Lahir di Kampong Limbongan dan menuntut ilmu di Sabah dan Sarawak. Mampu bertutur dalam bahasa Inggeris, Cina dan Tamil. Dilantik oleh Sultan Ahmad Tajuddin sebagai Jurunakah pada 1939M).
- vii) Tuan Imam Abdul Rahman Awang Mat Seruddin ((1872-1945M) berasal dari Kampong Bukit Salat. Selain ilmu agama, beliau turut mengajar ilmu persilatan, kuntau dan bermain pedang).
- viii) Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah bin Haji Mohd Salleh ((1870-1956) berasal dari Mukah, Sarawak. Menetap di Kampong Lurong Dalam. Dilantik sebagai ahli Undang-undang Majlis Agama dan Adat-Istiadat Brunei, Ketua Pengajar bagi subjek Agama Islam di Sekolah Melayu, guru Al-Quran dan agama, turut mengajar Sultan Omar Ali Saifuddien III).
- ix) Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar bin Rendah ((1891-1977) dilahirkan di Kampong Sungai Kedayan. Menuntut ilmu agama di Sabah, Sarawak dan Kampong Ayer. Turut mengajar Sultan Omar Ali Saifuddien III (antara 1947-1950). Dilantik sebagai ahli Majlis Ugama Islam, Majlis Mesyuarat Daerah, Majlis Mesyuarat Negeri, dan Pengerusi Majlis Pelajaran).

Apabila Brunei bernaung di bawah British dalam tahun 1324H/1906M, pendidikan masih berbentuk konservatif dan tradisional. Masyarakat Brunei ketika itu dalam dilema untuk melepaskan tradisi dan mengambil cara hidup moden yang berbentuk sekular. Para ulama di Brunei amat berhati-hati dengan perubahan yang berlaku ini.

#### ***Period 1333H/1914M - 1350H/1931M: Sekolah Melayu ditubuhkan***

Pelaksanaan sistem pendidikan formal oleh British bermula pada 1333H/1914M apabila sebuah sekolah Melayu ditubuhkan di Bandar Brunei. Dasar pendidikan baru secara tidak langsung meminggirkan pengajian agama. Pelajaran akademik lebih diutamakan dan pelajaran agama tidak dimasukkan dalam sukatan pelajaran. Tokoh-tokoh ulama Brunei berperanan dalam memastikan pelajaran agama terus kekal diajarkan kepada masyarakat melalui sistem balai atau pengajian di masjid.

#### ***Period 1350H/1931M - 1359H/1940M: Pelajaran Agama dalam Kurikulum Sekolah Melayu***

Adalah tidak menghairankan apabila pendidikan agama tidak diambil perhatian oleh British. Tindakan membantu pendidikan agama Islam akan berlawanan dengan usaha mereka yang dilihat menyebarkan agama Kristian melalui sekolah Inggeris atau misi yang diadakan di gereja-gereja (Pengiran Mohammad, 2007). Justeru, pada tahun 1350H/1931M, atas inisiatif dan pembiayaan kewangan tiga orang pembesar Brunei iaitu Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman ibni Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddien, Pengiran Pemancha Anak Haji Mohd Yasin ibni Pengiran Omar Ali dan Pengiran Syahbandar Anak Hashim ibni Pengiran Syahbandar Bahar, kelas pengajian agama diadakan di Sekolah Melayu Jalan Pemancha pada setiap petang Jumaat, dikendalikan oleh Imam Haji Awang Mohammad Yusof bin Mohammad Salleh. Pada 1355H/1936M, terdapat perkembangan yang baik apabila

jawatan Penguasa Pelajaran dipegang oleh Dato Paduka Awang Haji Marsal bin Maun, di mana pelajaran agama dimasukkan dalam jadual harian sekolah-sekolah Melayu. Sukatan pelajaran berpandukan kepada Sukatan Pelajaran Agama Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat, yang disusun oleh sebuah jawatankuasa.

#### ***Period 1360H/1941M - 1364H/1945M: Pendidikan Agama ketika Pendudukan Jepun***

Menurut Pehin Dr Ustaz Haji Md Zain bin Haji Serudin, semasa pendudukan Jepun di Brunei, pelajaran agama tidak diajarkan di sekolah Melayu dan hanya tertumpu di rumah, balai dan masjid oleh imam-imam antaranya Pehin Tuan Imam Dato Haji Metassim bin Md. Tahir. Pada hari Jumaat, murid-murid sekolah diarahkan pergi ke masjid untuk sembahyang Jumaat (Jabatan Pengajian Islam, 1996).

#### ***Period 1365H/1946M - 1376H/1956M: Pendidikan Agama selepas tamat Perang Dunia Kedua***

Pengajaran pelajaran agama di Sekolah Melayu berjalan kembali seperti sebelumnya. Pada 1367H/1948M, Mr. James Pearce, Pegawai Pelajaran Negara menghapuskan mata pelajaran tulisan jawi, atas alasan bagi tidak membebankan murid-murid dalam mempelajari mata pelajaran yang lain dan mereka boleh mempelajarinya di rumah. Ini telah sekaligus melemahkan pembelajaran agama yang sinonim dengan tulisan jawi. Ketika era 1350-1375H/1931-1956M, kebanyakan guru-guru yang mengajar mata pelajaran agama ialah pegawai masjid dan tidak mempunyai latihan perguruan.

#### ***1376H/1956M: Pendidikan Agama secara Formal - Sekolah Agama Kerajaan Brunei***

Perang Dunia Kedua telah turut menjelaskan arus pendidikan agama. Atas inisiatif Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III, pada akhir 1373H/1954M dan awal 1374H/1955M, dua orang pegawai agama telah didatangkan dari Johor iaitu Haji Othman bin Mohamad Said, Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama dan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, kadi daerah Segamat untuk membuat tinjauan dan mengkaji keperluan mewujudkan sekolah agama yang bersistem di Brunei. Hasil laporan kedua-dua pakar tersebut, Sultan Omar ‘Ali Saifuddien berkenan menubuhkan Sekolah Agama Kerajaan Brunei pertama pada 11 Safar 1376H/16 September 1956M. Sistem sekolah Agama Kerajaan Brunei adalah bermodelkan sistem sekolah Agama Kerajaan Johor Darul Ta’zim merangkumi peraturan, sukanan pelajaran, buku teks, bahkan guru-guru dan pegawai-pegawai yang mentadbir juga pada mulanya didatangkan dari Johor Darul Ta’zim (Haji Abdul Hamid, 2004).

Berikutan penubuhan sekolah agama Kerajaan, pendidikan agama berkembang positif dengan penubuhan Sekolah Arab Kerajaan dan swasta, Maktab Perguruan Agama, Institut Tahfiz serta universiti Islam pada tahun-tahun berikutnya. Perkembangan positif dalam pendidikan Islam dan penghayatan agama di kalangan masyarakat antaranya menerusi ceramah dan kursus telah turut menarik masyarakat bukan Muslim untuk memeluk agama Islam. Pusat Da’wah Islamiah yang ditubuhkan pada 1985 mengambil peranannya dalam membimbing mereka menerusi program Bimbingan Agama Muallaf.

#### **Kesimpulan**

Kebitaraan falsafah MIB sebagai falsafah negara terbukti dengan fungsinya yang berkesan sebagai panduan dalam segenap aspek kehidupan, bermasyarakat dan bernegara. Kelestarian

MIB hingga abad ini membuktikan ia relevan dalam agenda pembangunan negara. Integrasi di antara ketiga-tiga komponen MIB harmoni kerana ditunjangi oleh Islam. Sehubungan itu, bagi memastikan ketahanan MIB, kemajuan dalam bidang pendidikan agama Islam adalah monumental. Pendidikan mempunyai dwi-fungsi sebagai alat dan juga penanda aras kemajuan.

Jelas melalui fakta sejarah, ulama dan umara bersama memainkan peranan dalam mengukuh dan memajukan pendidikan agama Islam. Hakikatnya, ulama telah lama berperanan dalam institusi kesultanan Melayu sebagai penasihat Sultan bukan sahaja dalam hal-ehwal agama bahkan pentadbiran negara, agar negara maju tetap pada landasan Syariat Islam berdasarkan akidah ahli Sunnah Wal Jama'ah. Ilmu, keperibadian yang tinggi, karamah dan hikmah yang dimiliki melayakkan mereka mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Justeru, pandangan mereka dihormati dan mudah diterima.

Dalam menghadapi cabaran arus peredaran zaman, Ulama memainkan peranan penting dalam memastikan pengajian ilmu pengetahuan agama terus hidup di kalangan masyarakat. Dalam masa yang sama, Sultan yang alim, bijaksana dan berpandangan jauh berperanan besar merintis solusi kepada permasalahan yang melanda dan bertindak proaktif menyusun strategi masa hadapan. Kerjasama umara-ulama telah melancarkan proses Islamisasi pendidikan, sekaligus mengukuhkan konsep MIB. Sesuai dengan peredaran zaman, corak pendidikan harus turut melalui transformasi agar sentiasa mapan dan terus relevan. Oleh itu, pendidikan harus bersifat holistik, kerana Islam adalah jawapan bagi setiap persoalan kehidupan.

## Rujukan

Al-Quran.

- Abdul Hamid bin Mohamad Daud, Dato' Seri Setia Awang Haji. 2004. *Perkembangan Persekolahan Agama di Negara Brunei Darussalam dari tahun 1956-1984M*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Abdul Kadir bin N.C. Mohamad. 2015. *Peranan dan Sumbangan Haji Ismail Omar Abdul Aziz dalam Pendidikan dan Pentadbiran Agama di Negeri Johor Darul Ta'zim dan Negara Brunei Darussalam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Kadir bin N.C. Mohamad. 2011. *Awang Muhammad Jamil: Sumbangan terhadap Kemajuan Masyarakat di Brunei Darussalam*. Tesis Ijazah Sarjana Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latif Haji Ibrahim, Haji. 2003. Peranan Rumah-Rumah Perkumpulan dalam Masyarakat Melayu Brunei, *Ikhtisar Budaya*, edisi keempat. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Haji Ibrahim, Haji. 2008. Pelaksanaan dan Hala Tuju Melayu Islam Beraja, *Tunggak*. Brunei Press.
- Abdul Latif Juffri @ al-Jufri & Masnorindah Mohd Masry. 2012. *40 Tokoh Ulama Johor (Siri Pertama)*. Johor Bahru: Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Awang Asbol bin Haji Mal, Prof Madya Dr. Haji. 2008. Institusi Wazir, Cheteria dan Menteri pada Abad Ke-19: Struktur dan Kuasa Elite dalam Pentadbiran di Kesultanan Melayu Brunei, *Sosiohumanika* 1(1). Brunei.

Awang Muhammad Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji. 1996. *Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Awang Muhammad Jamil Al-Sufri. 2001. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, edisi ketiga. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Awang Muhammad Jamil Al-Sufri. 2007. *Tulisan Jawi Alat Penyampai Ajaran Islam*. Kertas kerja Seminar Borneo. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Gira Ujan. 2008. *Pengantar Sejarah Kesusasteraan Klasik Melayu Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Jabatan Pengajian Islam Brunei. 1996. *Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mohd. Salleh Abdul Latif, Haji. 2004. *Menyusur Zaman: Biografi Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin*. Bandar Seri Begawan: Minda Kreatif Publishing.

Pengiran Anak Haji Amiruddin Alam Shah Pengiran Anak Haji Ismail, Mahayudin Haji Yahaya, Ahmad Baha Mokhtar, Rasinah Ahim, Rafidah Abdullah & Rafizah Abdullah. 2015. *Ensiklopedia Negara Zikir, Jilid 1: Pengenalan*. Brunei: UNISSA Press.

Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. 2007. *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Pusat Da'wah Islamiah Brunei. 1999. *Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413*. cetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Bandar Seri Begawan.

Simat Angas, Suhaili Haji Hassan & Haji Ismail Ibrahim. 1992. *Tokoh-tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. Brunei: Jabatan Muzium Brunei.